

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9358

SOALAN :

**Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan ancaman DAESH di negara ini dan rantau
ASEAN serta berapa jumlah tangkapan terkini membabitkan aktiviti
pengganas DAESH.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Memerangi kegiatan militan Daesh merupakan matlamat paling utama dan jelas kepada Malaysia. Sesungguhnya, ancaman ini adalah realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan. Komitmen Malaysia ke arah melumpuhkan sepenuhnya rangkaian kegiatan keganasan yang berselindung di sebalik perjuangan jihad ini turut diperkasa melalui strategi komprehensif. Dalam hal ini, Malaysia bersama-sama negara luar yang lain telah dan akan mengambil usaha secara berterusan untuk mempertahankan keamanan masyarakat dunia daripada sebarang bentuk ancaman militan.

Usaha berterusan Kerajaan dalam memerangi keganasan telah terbukti berkesan di mana bagi tempoh 2013 sehingga 07 Oktober 2016, seramai 255 orang pengganas yang telah berjaya ditahan. Daripada jumlah tangkapan tersebut, seramai 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, 36 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, 13 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015, 21 orang warga asing telah diusir dari Malaysia dan bakinya iaitu 64 orang telah dibebaskan. Berdasarkan rekod penahanan ini jelas membuktikan komitmen tinggi

Kerajaan dalam usaha membanteras kegiatan kumpulan pengganas dari terus menular demi memelihara kedaulatan negara dan juga keselamatan rakyat Malaysia secara umumnya.

Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas kejayaan mereka mengekang elemen-elemen kumpulan pengganas Daesh ini daripada terus berkembang di negara ini.

Saya juga ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memerangi kumpulan pengganas Daesh ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab kita bersama.